

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

JABATAN : PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19			
1	YB Kuala Kubu Bharu	Mewujudkan pusat kuarantin melalui Selgate untuk pesakit COVID-19.	<u>Bahagian Khidmat Pengurusan</u> Pusat Saringan COVID-19 (CAC) di daerah Hulu Selangor yang sedang dalam perancangan akan dibuka di Dewan Orang Ramai Batang Kali oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).
2	YB Batang Kali	- Pemberian vaksin yang agak perlahan, PPV diperbanyakkan bersamaan dengan stok vaksin yang banyak. - Saringan agresif setiap hari merupakan jalan penyelesaian bagi membendung pandemik. - Adakah pusat kuarantin di Selangor. - Pemberian vaksin kepada staff Pejabat Dewan, MPKK, Komuniti	<u>A) Bahagian Pembangunan</u> - Inisiatif yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Pentadbiran ini adalah membuat penyelarasan nama Pengerusi dan Setiausaha MPKK Daerah Hulu Selangor penduduk-penduduk di daerah Hulu Selangor yang belum menerima vaksin. Senarai nama Pengerusi dan Setiausaha MPKK daerah Hulu Selangor yang belum divaksin telah

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		diberi keutamaan utama memandangkan mereka merupakan <i>frontliners</i> yang selalu berhadapan dengan rakyat. - Mencadangkan pendaftaran dan pemberian vaksin di Klinik Kesihatan. - Mencadangkan vaksin untuk diswastakan bagi mereka yang mampu atau mempunyai kuasa membeli.	dimajukan kepada JK Tetap Pembangunan Luar Bandar pada 29 Jun 2021 untuk tindakan selanjutnya. Manakala senarai AJK MPKK Daerah Hulu Selangor telah dimajukan kepada PKD Hulu Selangor untuk dimasukkan dalam senarai menunggu vaksin. B) <u>Bahagian Khidmat Pengurusan</u> - PPV di Selangor sentiasa bertambah mengikut keperluan di Kawasan yang mempunyai populasi yang tinggi. - PKD sentias membuat saringan ke atas kes-kes aktif yang diterima melibatkan kontak-kontak rapat dan pada masa yang sama Gerakan saringan bersasar juga dijalankan bagi mengenalpasti tahap keseriusan di sesuatu Kawasan yang mempunyai kes aktif. - Klinik Kesihatan di Daerah Hulu Selangor juga menjalankan pemberian vaksin kepada senarai pesakit-pesakit di bawah senarai Kawasan masing-masing. Namun keadaan klinik kesihatan yang terhad ruang hanya mampu menampung kapasiti yang

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			terhad kerana kefungsian awal klinik kesihatan masih dikekalkan. - Senarai PPV di Daerah Hulu Selangor adalah seperti yang berikut: 1) Bukit Beruntung Golf Resort 2) Dewan Komuniti Serendah 3) Hospital Kuala Kubu Baharu 4) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kuala Kubu Baharu 5) Klinik Kesihatan Kalumpang 6) Klinik Kesihatan Rasa 7) Klinik Kesihatan Selisek 8) Klinik Kesihatan Serendah 9) Klinik Kesihatan Soeharto 10) Klinik Kesihatan Ulu Yam Bharu 11) Klinik Ng dan Singh (Serendah) 12) Klinik SP Care (Bukit Sentosa) 13) Klinik SP Care (Jalan Gapimas) 14) Klinik SP Care (Jalan Meranti 2A Seksyen 3) 15) Klinik Wong Singh (Hulu Selangor) 16) Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor 17) Poliklinik dan Surgeri KKB 18) Klinik Medicare (Kuala Kubu Baharu)

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			19) Dewan Orang Ramai Hulu Bernam (akan dibuka pada 26 Julai 2021).
3	YB Hulu Bernam	Mohon Pusat Pemberian Vaksin (PPV) diteruskan di Hulu Bernam walaupun PPV tersebut akan berpindah ke Serendah kerana penduduk warga emas sukar untuk pergi ke lokasi yang jauh.	<u>Bahagian Pembangunan</u> PPV Hulu Bernam dijangka bermula pada 26 Julai 2021 bagi menampung kapasiti penerima vaksin sebelah utara dan Bahagian Pembangunan Pentadbiran ini memberi perhatian sewajarnya dan akan melaksanakan tugas berdasarkan arahan dari semasa ke semasa. Keputusan terkini daripada pihak CITE Persekutuan pada 26 Julai 2021 telah membatalkan kelulusan PPV Hulu Bernam yang dicadangkan pengoperasian pada 2 Ogos 2021 sebelum ini. Untuk menampung keperluan penerima vaksin, jumlah kapasiti harian untuk PPV Serendah ditingkatkan daripada 1,200 kepada 1,500 sehari.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT			
4	YB Kuala Kubu Bharu	Batalkan 30% peruntukan ADUN untuk projek pembangunan supaya ADUN boleh gunakan untuk beli baja organik untuk rakyat bercucuk tanam dan pembelian table untuk pelajar.	<u>Bahagian Pembangunan</u> Perbendaharaan Negeri Selangor melalui surat rujukan PWN.Sel.(A)294 Jld.8(38) bertarikh 28 Jun 2021 mengenai Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri Selangor (ADN) dan Ahli Parlimen – Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat Bagi Program Bakul Makanan memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju memberi pengecualian kepada AMMKN dan ADN menggunakan peruntukan di bawah kategori Projek Kecil untuk melaksanakan Sumbangan Kemasyarakatan secara tunai dan Program dan Aktiviti Mesra Rakyat selaras dengan PPNS Bil. 1/2019, Perkara 6.1 (iii) dan (iv). Perkara ini telah disampaikan kepada YB ADN di Hulu Selangor melalui e-mel pada 29 Jun 2021 dan 8 Julai 2021.

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN			
5	YB Kuala Kubu Bharu	<i>Wifi hotspot</i> perlu untuk luar bandar supaya boleh <i>work from home</i> dan pelajar boleh belajar <i>online</i> atau PDPR	<u>Bahagian Pembangunan</u> Diambil perhatian sewajarnya Pentadbiran ini dari semasa ke semasa dan telah juga dibangkitkan dalam beberapa siri Mesyuarat Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) sejak tahun 2020 lagi untuk tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Perkara ini juga akan dimajukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memandangkan isu ini melibatkan tindakan di pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi (<i>telco</i>) dan TM Berhad. Walau bagaimanapun, terkini dalam Meyuarat JTPD Bilangan 3 Tahun 2021 pada 16 Julai 2021, pihak SKMM menyatakan bahawa terdapat lima (5) menara baharu yang akan dibina dan 29 menara sedia ada sedang dinaik taraf di bawah Projek Pemberian Perkhidmatan

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			Sejagat (USP) yang dijangka siap sebelum 31 Mac 2022 namun tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Antara lokasi yang terlibat adalah termasuk lokasi sekolah di Kerling, Felda Gedangsa dan Felda Soeharto yang sukar mendapatkan liputan internet sehingga menyukarkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
6	YB Batang Kali	Projek pembangunan Batu 30 – dapatkan berhubung peruntukan bandar dan luar bandar. Projek kurang penting ditangguhkan.	<u>Bahagian Pembangunan</u> Perkara ini telah diberi perhatian sewajarnya Pentadbiran ini dan perkara ini sentiasa disusul dengan dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Selangor untuk tindakan sewajarnya. Terkini, dimaklumkan bahawa kelulusan telah diberikan kepada pihak JPS Daerah dan Negeri untuk menggunakan peruntukan caruman parit dan sedang

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			dalam proses penyediaan reka bentuk akhir pembinaan yang melibatkan proses pengambilan balik tanah sebahagian lot hak milik bagi tujuan pembinaan kolam takungan. Anggaran awal yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi kos pengambilan balik tanah yang terlibat adalah RM1.1 juta. JPS Daerah akan menghantar permohonan kepada Bahagian Pengurusan Tanah Pentadbiran ini sejurus selepas reka bentuk akhir disiapkan sepenuhnya. Dijangkakan proses perolehan secara tender akan dilakukan seawal Ogos 2021.
7	YB Hulu Selangor (MP)	- Isu infrastruktur jalan raya di kawasan Hulu Selangor bagi mempertimbangkan naik taraf jalan raya seperti di FT01 meliputi persimpangan Kg. Sungai Buaya, Sungai Choh ke Bukit Beruntung.	<u>Bahagian Pembangunan</u> Perkara ini diambil perhatian sewajarnya oleh Pentadbiran ini dan telah dibincangkan dalam beberapa siri Mesyuarat JTPD sejak tahun 2020. Agensi-agensi yang berkaitan seperti

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		- Aduan rakyat berkaitan jalur lebar internet sedangkan permohonan meningkat. Terdapat rungutan dari pengusaha kilang dan syarikat dan cadangan menaik taraf talian komunikasi di kawasan Hulu Selangor dan mengadakan sesi libat urus dengan Telco atau <i>service provider</i> terlibat berkaitan talian telekomunikasi.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan TM Berhad sedang mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas isu-isu berkaitan.
8	YB Hulu Bernam	- Mohon Kerajaan Negeri membantu menyelesaikan isu banjir yang berulang di Kampung Sungai Selisek Hulu Bernam. - Mohon kemudahan <i>Wifi Smart Selangor</i> bagi kawasan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut.	<u>Bahagian Pembangunan</u> Bagi isu banjir, Pentadbiran ini mengambil perhatian sewajarnya dari semasa ke semasa dan perkara ini telah dibangkitkan pada Mesyuarat JTPD Bil. 3/2021 pada 16 Julai 2021. Pihak JPS Daerah pada mesyuarat tersebut telah memaklumkan isu banjir ini berlaku berpunca daripada limpahan air Sungai Bernam yang melepasi benteng pada satu-satu masa. Pihak JPS Daerah akan melaksanakan kajian terperinci melibatkan khidmat

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			perunding dari semasa ke semasa sebagai langkah pencegahan jangka masa panjang. Terdahulu, pihak JPS telah melaksanakan langkah pencegahan melalui pelaksanaan pembinaan tembok konkrit penahan banjir dan benteng sepanjang 2.5 kilometer meliputi Sungai Sentang ke Kampung Sungai Selisek. Bagi isu kemudahan <i>Wifi Smart Selangor</i>, perkara ini diambil perhatian sewajarnya oleh Pentadbiran ini dan telah dibincangkan dalam beberapa siri Mesyuarat JTPD sejak tahun 2020. Agensi-agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta TM Berhad sedang mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas isu ini.
E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN			
9	YB Hulu Selangor (MP)	Industri ekonomi dengan merancang program kemahiran dalam bidang	<u>Bahagian Pembangunan</u>

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
		TVET dengan wujudkan kerjasama semua industri seperti sektor automatif dan sektor aeroangkasa bagi mewujudkan peluang pekerjaan di luar bandar.	Pentadbiran ini sentiasa memberikan perhatian sewajarnya berhubung perkara ini dari semasa ke semasa dan akan melaksanakan program/aktiviti yang berkaitan berdasarkan arahan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri telah pun mensasarkan sebanyak 15,000 peluang pekerjaan untuk diwujudkan pada tahun ini menerusi pelbagai program dalam usaha menangani pengangguran di negeri Selangor antaranya termasuklah bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).
G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR			
10	YB Kuala Kubu Bharu	EXCO Alam Sekitar perlu bincang dengan JAS supaya wujud JAS Hulu Selangor. Sekarang Hulu Selangor bergantung kepada JAS Gombak. Banyak aduan mengenai bau busuk daripada kilang haram/separuh haram.	<u>Bahagian Pembangunan</u> Pentadbiran ini sentiasa memberikan perhatian sewajarnya berhubung perkara ini dari semasa ke semasa. <u>Bahagian Pengurusan Tanah</u> Bagi isu aduan bau busuk yang datang dari kilang haram, Pentadbiran ini melalui Unit Penguatkuasa akan mengambil tindakan bersepadu bersama agensi

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
			(PBT, JPS, LUAS dan JAS) jika mendapat aduan spesifik. Walau bagaimanapun, semua agensi di Hulu Selangor sentiasa cakna berkaitan isu ini dan membuat pemantauan berkala kepada institusi kilang dan perusahaan yang beroperasi dalam daerah Hulu Selangor. Berhubung cadangan pewujudan JAS Hulu Selangor, perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak JAS kerana melibatkan pertimbangan oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air dan JAS selain berada di bawah bidang kuasa/ kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam.
PENGESAHAN KETUA JABATAN DR. MOHD AZHAR BIN MOHAMED ALI, S.M.S,A.I.S,P.J.K PEGAWAI DAERAH HULU SELANGOR PEJABAT DAERAH/TANAH HULU SELANGOR Tarikh: Julai 2021			

